



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### HANYA KELULUSAN MOT DIPERLUKAN UNTUK PERJALANAN ANTARA NEGERI BAGI KENDERAAN KOMERSIAL (PERKHIDMATAN PERLU)

Pemandu dan kelindan bas ekspres, lori serta kenderaan-kenderaan komersial yang lain di bawah kategori perkhidmatan perlu (essential services) hanya perlu memohon surat kelulusan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui sistem SMILE jika memerlukan perjalanan antara negeri.

Pemegang surat kelulusan MOT tidak memerlukan surat kebenaran tambahan yang lain untuk perjalanan antara negeri sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 atau sekatan pergerakan penuh Fasa Pertama mulai 1 - 14 Jun 2021.

Seperti biasa, MOT menggesa seluruh rakyat Malaysia agar sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat sepertimana ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk menggunakan cecair pembasmi kuman, memakai pelitup separuh muka, mengamalkan penjarakan sosial dan mengimbas kod QR MySejahtera jika diperlukan.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**1 JUN 2021**

**-TAMAT-**

#### **Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

#### **Pertanyaan Media**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Hotline 1-800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

